

## **BANK ISLAM RAIH EMPAT ANUGERAH DI ANUGERAH KEWANGAN ISLAM GLOBAL 2024**

**KUALA LUMPUR, Khamis, [6 Jun 2024]:** Bank Islam Malaysia Berhad (Bank Islam atau Bank) baru-baru ini memenangi empat anugerah berprestij di Anugerah Kewangan Islam Global 2024 (GIFA2024) yang dianjurkan oleh The Digital Banker.

Bank Islam memenangi anugerah dalam kategori Inisiatif RPA (Automasi Proses Robotik) Terbaik, Pelaksanaan Teknologi Terbaik oleh sebuah bank Islam, Bank Islam Terbaik untuk Gen-Z dan Produk Pembiayaan Mikro Islam Terbaik Tahun Ini, mengatasi lebih 370 penyertaan daripada institusi terkemuka dalam kewangan Islam di seluruh dunia.

Bahagian Digital Kumpulan mempamerkan pendekatan berfikiran maju Bank terhadap teknologi, menzahirkan komitmen untuk meningkatkan pengalaman pelanggan melalui inovasi digital dengan memenangi tiga (3) anugerah: Inisiatif RPA Terbaik, Pelaksanaan Teknologi Terbaik oleh Sebuah Bank Islam, dan Bank Islam Terbaik untuk Gen-Z.

Mengulas kemenangan itu, Ketua Pegawai Digital Kumpulan Bank Islam, Noor Farilla Abdullah berkata, "Pengiktirafan ini adalah komitmen kami untuk terus berkembang dan meningkatkan pengalaman pelanggan dan kakitangan. Penerapan RPA ke dalam operasi kami dan pelaburan dalam teknologi yang betul adalah penting untuk meningkatkan perkhidmatan kami dan memberi faedah kepada semua pihak terlibat. Kami amat berbangga dengan Program Pembangunan RPA BITIZEN yang telah meningkatkan bilangan pembangun RPA yang mahir dalam kalangan kakitangan Bank Islam yang tidak mempunyai latar belakang dalam bidang teknologi maklumat serta pengautomasian pelbagai proses di Bank dengan ketara. Ia tidak mungkin tercapai tanpa usaha keras pasukan yang terlibat. Didorong oleh hasrat kukuh untuk mendahulukan kemakmuran untuk semua, kami mengucapkan terima kasih atas dedikasi yang ditunjukkan. Kami juga sangat menghargai kepercayaan dan sokongan teguh yang diberikan pelanggan dan rakan niaga kami. Bersama-sama, kami akan terus meneroka sempadan kemungkinan."

Be U oleh Bank Islam merupakan satu kemudahan perbankan digital yang menawarkan pengalaman perbankan yang komprehensif, mudah dan bertumpukan pelanggan. Disasarkan kepada segmen pengguna natif digital dan muda, ia memenangi anugerah sebagai Bank Islam Terbaik untuk Gen-Z. Kejayaan ini menyeralahkan keupayaan Bank Islam untuk berinteraksi dengan generasi muda dan menangani keperluan perbankan mereka secara efektif, pada masa sama memperkasakan literasi kewangan.

Sementara itu, kecekapan Bank Islam dalam pembangunan produk terus terpamer menerusi Anugerah Inovasi Produk Islam dengan memenangi kategori "Produk Kewangan Mikro Islam Terbaik Tahun Ini". Kemenangan tersebut mengukuhkan lagi komitmen Bank Islam untuk memperjuangkan penyelesaian kewangan yang inklusif dan memperkasakan komuniti dalam bidang kewangan sosial. Digerakkan oleh Bahagian Kewangan Sosial Kumpulan, Bank Islam mengembangkan penggunaan inovatif instrumen kewangan sosial untuk menggalakkan mobiliti ke atas bagi segmen yang tidak mempunyai atau kurang mendapat perkhidmatan perbankan.

Ketua Pegawai Kewangan Sosial Bank Islam, Mohd Nazri Chik, menzahirkan penghargaannya kepada semua pemegang taruh yang telah memainkan peranan penting dalam perjalanan kewangan sosial Bank, khususnya sejak penubuhan Sadaqa House pada tahun 2018.

"Sokongan yang diberi telah membolehkan kami untuk mengagihkan lebih RM21 juta kepada lebih 1,000 penerima manfaat, kebanyakannya dalam bentuk kewangan campuran (blended finance) dan pembiayaan mikro iTEKAD BangKIT yang berdasarkan prinsip *Qardhul Hasan*. Kami sangat berbesar hati dengan pengiktirafan ini dan bertekad untuk meneruskan komitmen untuk mendorong perkembangan kewangan inklusif yang berupaya memperkasakan segmen yang tidak layak menerima perkhidmatan perbankan kepada layak dan memajukan kemakmuran untuk semua. Bersama-sama, kami akan terus berusaha untuk masa hadapan yang lebih baik, di mana setiap individu mempunyai peluang untuk maju," tambah Mohd Nazri.

Anugerah Kewangan Islam Global (GIFA) ditubuhkan dalam kempen menyokong industri perbankan dan kewangan Islam. Sejak penubuhannya pada tahun 2011, anugerah ini telah menjadi platform berprestij yang meraikan kejayaan pemenang anugerah yang telah memberikan sumbangan cemerlang dalam bidang masing-masing. Kemenangan anugerah-anugerah ini menyumbang kepada kemampuan industri perbankan dan kewangan Islam sebagai sistem yang berdaya maju dalam

landskap kewangan antarabangsa global. Bank Islam amat bangga menjadi sebahagian daripada warisan ini.

---

**Mengenai Bank Islam Malaysia Berhad (No. Pendaftaran Syarikat [198301002944(98127-X)])**

Bank Islam adalah institusi perbankan Islam pertama di Malaysia yang disenaraikan di Papan Utama, Bursa Malaysia Berhad. Ditubuhkan pada bulan Julai 1983, Bank Islam mempunyai 135 cawangan dan lebih 900 terminal layan diri di seluruh negara. Sebagai institusi perbankan Islam lengkap dan tulen, Bank Islam menyediakan penyelesaian perbankan runcit dan kewangan korporat yang mematuhi undang-undang dan prinsip Syariah dengan ketat. Bank Islam komited terhadap kemakmuran lestari dan nilai-nilai ESG dan merupakan peserta rasmi Rangkaian Kompak Global Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu Malaysia dan Brunei. Anak-anak syarikat utama Kumpulan Bank Islam, BIMB Investment dan BIMB Securities menawarkan pelbagai perkhidmatan kewangan Islam, termasuk pelaburan dan pembrokeran saham. Untuk maklumat lanjut mengenai produk dan perkhidmatan kumpulan Bank Islam, layari [www.bankislam.com](http://www.bankislam.com).

Sila emel ke Hubungan Media Kumpulan Bank Islam di [media@bankislam.com.my](mailto:media@bankislam.com.my) untuk mendapatkan maklumat tambahan.